

# Guna Akta 88 elak kes berulang

Tindakan tegas dan cepat harus diambil oleh pihak berwajib untuk mengatasi masalah berikutan kebocoran soalan subjek Sains dan Bahasa Inggeris (BI) Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi mengembalikan keyakinan semua pihak terhadap wibawa sistem pengendalian peperiksaan awam di negara kita.

Mengikut Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) rahsia rasmi bermaksud apa-apa suratannya ditakutkan dalam jadual dan apa-apa maklumat dan bahan berhubung dengannya termasuk apa juga maklumat dan bahan lain yang boleh dikelaskan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau 'Terhad', mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh seorang menteri, menteri besar atau ketua menteri sesuatu negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik mengikut akta terbabit.

## Kod kesalahan Akta 88

Ini termasuklah soalan peperiksaan awam yang disediakan kerajaan. Seksyen 8 (1) (e) Akta 88 menerangkan, jika seseorang ada dalam miliknya atau kawalannya sesuatu rahsia rasmi atau sesuatu perkataan kod, isyarat timbal atau kata laluan rasmi rahsia dalam perkhidmatan awam, atau sebagai seorang yang memegang atau telah memegang suatu kontrak bagi pihak kerajaan, atau sebagai seorang yang bekerja atau telah diambil kerja dengan atau di bawah seseorang yang memegang atau telah memegang jawatan atau kontrak itu, melakukan kesalahan mengikut mana-mana yang berikut:

(i) Menyampaikan secara langsung atau secara tidak langsung sesuatu maklumat atau benda itu kepada sesuatu negara asing



selain negara asing yang kepadanya diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menyampaikannya atau kepada seseorang lain selain orang yang kepadanya diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menyampaikannya atau yang kepadanya dia berkewajipan menyampaikannya;

(ii) Menggunakan sesuatu rahsia rasmi atau benda seperti yang tersebut di atas untuk faedah sesuatu negara asing selain negara asing yang bagi faedahnya dia diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menggunakannya atau dengan apa-apa cara lain yang memudaratkan

keselamatan atau kepentingan Malaysia;

(iii) Menyimpan dalam bilik atau kawalannya mana-mana benda seperti yang tersebut di atas apabila dia tidak berhak menyimpannya, atau apabila berlawanan dengan kewajibannya bagi menyimpannya, atau tidak

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my).

mematuhi segala arahan yang sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang sah berkenaan dengan pemulangan atau pelupusan benda itu atau (iv) tidak menjaga dengan cara yang berpatutan, atau bertingkah laku sehingga membahayakan keselamatan atau kerahsiaan, sesuatu rahsia rasmi atau benda seperti di atas. Orang itu boleh didapati salah dan boleh dihukum penjara tidak kurang setahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun.

## Tindakan tegas akan diambil

Selain Akta 88, tindakan tegas juga boleh diambil jika didapati mana-mana pegawai awam yang terbukti gagal melakukan tugas yang diamanahkan melalui Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Kementerian Pendidikan juga hendaklah mengadakan siasatan dalaman.

Pemeriksaan semula prosedur dan polisi berkaitan penyediaan serta pengedaran sesuatu soalan peperiksaan juga boleh dilakukan supaya insiden soalan peperiksaan bocor tidak terus berlaku hingga menggugat mutu mahupun keyakinan orang ramai terhadap sistem pelajaran negara.

**Dr. Muzaffar Syah Mallow,**  
Pensyarah Kanan,  
Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia